

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RET 564 – Sistem Pengautomatan Bangunan 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Lakarkan satu susunan Sistem Pengautomatan Bangunan.

Terdapat dua fungsi utama dalam Sistem Pengautomatan Bangunan iaitu Fungsi Automatik dan Fungsi Penjimatan Tenaga. Huraikan kedua-dua fungsi tersebut.

(25 MARKAH)

2. Senaraikan jenis-jenis meter suhu yang diketahui.

Huraikan dengan terperinci prinsip dan susunan operasi satu daripada meter suhu di atas.

(25 MARKAH)

3. Dalam Pengautomatan (Automasi) Bangunan, beberapa pengesanan berlaku iaitu:

- (i) Pengesanan kebakaran
- (ii) Pengesanan asap
- (iii) Pengesanan haba

Huraikan kesemua pengesanan itu dan bincang bagaimana ianya dapat disepadukan dalam Pengautomatan (Automasi) Bangunan.

(25 MARKAH)

4. Apakah 4 bidang operasi yang terdapat dalam konsep Bangunan Pintar berteknologi tinggi. Dapatkah digabungkan semua bidang ini, dan bincangkan bagaimana konsep ini digunakan sekarang untuk memudahkan pengendalian Bangunan Pintar.

(25 MARKAH)

oooOOooo